

NO SOALAN :21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
(KUALA KANGSAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2014

**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN
AHMAD [KUALA KANGSAR]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah terancang untuk meningkatkan daya inovasi di kalangan anak-anak Malaysia selain dari yang sedia ada di Pusat MAGIC Negara. Bagaimana anak-anak di luar bandar dapat diserapkan secara terus kepada usaha-usaha Kerajaan ini.

JAWAPAN

Bagi menggalakkan anak-anak Malaysia terus terlibat dalam sektor keusahawanan yang berinovasi, MaGIC akan mengadakan program-program *engagement* dan *outreach* ke seluruh negara. Pada masa yang sama, Kementerian Kewangan melalui Program *Bootcamp 1MeT*

akan turut diadakan secara berkala untuk mencari bakal-bakal usahawan yang boleh diketengahkan untuk program-program lebih agresif di MaGIC. Untuk tujuan ini, 1MeT mensasarkan sebanyak 5,000 usahawan muda setiap tahun.